

PNK Miri terima RM1.3j dari LKIM

MIRI 4 Dis. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukan RM1.3 juta kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bagi memajukan sektor perikanan di sini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd. Khazin Hamzah berkata, peruntukan itu termasuk bagi membiayai penyenggaraan Kompleks LKIM Miri iaitu sebanyak RM190,000 dan masing-masing RM20,000 untuk bantuan pembungkusan sos belacan serta peralatan bimbingan kepada dua usahawan.

Selain itu katanya, peruntukan itu juga digunakan untuk menaik taraf pusat pemprosesan hasil perikanan PNK Miri berjumlah RM50,000, pembinaan pasar nelayan Kuala Bakam (RM200,000).

Tambah beliau ia juga melibatkan program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) kepada 12 orang (RM120,000) dan peruntukan elaun sara hidup (ESH) bagi tempoh Januari hingga Oktober (RM697,200).

“Peruntukan ini membuktikan komitmen LKIM untuk membangunkan sektor perikanan di Miri sekali gus membantu memasarkan produk berasaskan perikanan kepada pengguna pelbagai peringkat,” katanya pada majlis perasmian Pesta Agro Makanan Laut LKIM Sarawak di LKIM Miri di sini semalam.

Sejak 2008 sehingga sekarang, LKIM Sarawak menyalurkan bantuan kewangan kepada 46, 510 orang melalui pemberian insentif tangkapan ikan (ITI), diesel, petrol dan ESH.

SUMBER : [Utusan Online](#)